

**JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(HAL EHWAL PELAJAR)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 ( 62 )

15 Februari 2022

**PEKELILING PELAJAR BIL. 2/2022**

**ARAHAN PERGERAKAN PELAJAR BERIKUTAN SITUASI COVID-19  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Dimaklumkan bahawa berikutan peningkatan kes Covid-19 dalam kampus, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai di bawah Akta 1988 Seksyen 18(1) (f) CDC telah mengarahkan pelanjutan tempoh sekatan pergerakan ke beberapa buah blok beserta tambahan blok baru di kolej kediaman kampus UTM Johor Bahru yang melibatkan sekatan pergerakan keluar masuk blok **bermula 12 hingga 16 Februari 2022 dan pelepasan sekatan adalah bergantung kepada penilaian risiko oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kulai.** Sehubungan itu, merujuk kepada Pekeliling Pelajar Bil 1/2022 serta pemakluman Pergerakan di Kolej Kediaman Kampus UTM Johor Bahru bertarikh 12 Februari 2022 dan situasi semasa yang dimaklumkan oleh Pejabat Kesihatan daerah Kulai, Universiti bersetuju untuk melanjutkan sekatan pergerakan keluar masuk pelajar dalam kampus seperti berikut :

- (i) Semua pergerakan keluar masuk ke blok yang dikenakan sekatan pergerakan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sehingga tarikh tamat kuarantin blok tersebut.
- (ii) Kebenaran masuk ke kampus bagi tujuan menginap adalah **DITANGGUHKAN** sehingga 28 Februari 2022 atau tarikh lain yang akan dimaklumkan oleh Universiti.
- (iii) Sekiranya terdapat keperluan masuk kampus bagi tujuan menginap dalam tempoh tersebut, pelajar dikehendaki membuat Ujian Kendiri RTK Saliva dan menjalani isolasi di Pusat Isolasi Blok G08 (pelajar lelaki) dan Blok G05 (pelajar perempuan). Tempoh isolasi adalah lima (5) hari bagi yang telah lengkap dos penggalak manakala tujuh (7) hari bagi yang telah lengkap dua dos vaksinasi. Segala kos makan dan minum sepanjang tempoh isolasi adalah di bawah urusan pelajar sendiri.
- (iv) Perkara (iii) hanya terpakai kepada pelajar yang ingin pulang ke blok asal mereka yang bukan dalam kategori blok kuarantin.

**Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa**

.. /2

Sekian, terima kasih.

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Universiti Teknologi Malaysia  
b.p. Naib Canselor

 : [shamsul@utm.my](mailto:shamsul@utm.my)

- |      |   |  |
|------|---|--|
| s.k. | - | Naib Canselor                                      |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)               |
|      | - | Pendaftar  |
|      | - | Pengarah, Bahagian Keselamatan                     |

## LAMPIRAN 1

### SENARAI BLOK YANG DIKENAKAN SEKATAN PERGERAKAN KAMPUS UTM JOHOR BAHRU

(kemaskini 15 Februari 2022)



BIL.	BLOK	BILANGAN PELAJAR	TARIKH TAMAT KUARANTIN
1	S39 KTC	60	16.2.2022
2	S46	79	Penempatan bagi kes positif
3	S47	66	Penempatan bagi kontak rapat
4	Pusat Isolasi	14	Dibuka sehingga 28 Februari 2022

Jabatan TNC (HEP)  
15 Februari 2022